

Drebar mati tersepit

Metro 5/4/12 MS P.

Pemandu lori rempuh treler muatan pasir dalam perjalanan hantar kicap

>>Oleh Iskandar Shah Mohamed

am@hmetro.com.my

NILAI: Perjalanan seorang pemandu lori dipercayai mahu menghantar kicap ke ibu negara bertukar tragedi apabila dia maut tersepit akibat kenderaannya terbabit dalam kemalangan dengan dua treler di Kilometer 282.7 Lebuhraya Utara-Selatan arah utara berdekatan susur keluar Nilai di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 8.20 pagi itu, lori dipandu Md Norsah Aziz, 35, berkedudukan antara dua treler menyebabkan tubuhnya tersepit di tempat duduk pemandu.

Mangsa yang cedera parah di kepala terpaksa dikeluarkan sepasukan anggota bomba dan disahkan meninggal



FOTO | Owee Ah Chun

REMUK...keadaan lori dipandu Md Norsah (gambar kecil) yang terbabit kemalangan.

dunia di tempat kejadian.

Jurucakap polis berkata, Md Norsah yang memandu lori membawa muatan kicap datang dari arah Johor menuju

ke Kuala Lumpur.

"Setiba di tempat kejadian, dia yang berada di laluan paling kiri dipercayai gagal mengawal kenderaannya lalu

merempuh sebuah treler membawa muatan pasir yang berhenti kerana rosak tetapi tidak sempat masuk ke laluan kecemasan.

"Lori mangsa dilanggar sebuah lagi treler tanpa muatan dari arah belakang menyebabkan lorinya tersepit antara dua treler itu," katanya di sini, semalam.

"Kedua-dua pemandu treler berusia lingkungan 40-an itu tidak mengalami sebarang kecederaan serius manakala mayat mangsa dihantar ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) untuk bedah siasat," katanya.

Kata jurucakap itu, treler muatan pasir yang dilanggar mangsa dipercayai mengalami kerosakan dan tidak sempat memasuki lorong kecemasan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Yusoff Awang ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian itu.